

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**ANALISIS FORMALISTIK TERHADAP  
PENGKRITIKAN FILEM**

**FORMALISTIC ANALYSIS OF FILM CRITICISM**

**Inthumathi Segaran**

Department of Modern Languages, Faculty Of Language And Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia. Email: [inthumathi\\_segaran@yahoo.com](mailto:inthumathi_segaran@yahoo.com)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/268>

**Abstract**

This study aims to examine and explain film criticism of K.Balamurugan's work using formalistic theory. The study has three objectives, which are to identify the subject of discussion, to identify the elements of plot criticism, and to identify character criticism in K.Balamurugan's work based on formalistic theory. The data source for this study is the film criticism book entitled 'Theernthu Pogatha Venkattikal' by K.Balamurugan. Formalistic theory is used as an analyzer of K.Balamurugan's film criticism. The researcher uses a qualitative approach and method used in this study is in the form of literature review to collect information related to this study. Data are analyzed using descriptive analysis based on the characteristics of formalistic theory, which are themes, plots, and characters, using the book entitled 'Theernthu Pogatha Venkattikal'. The results of the study show that most of the film criticisms of 'Theernthu Pogatha Venkattikal' are characterized by themes, plots, and characters contained in formalistic theory. In conclusion, K.Balamurugan's work covers all aspects based on formalistic theory and is able to examine and evaluate the strengths and weaknesses of a criticism through the application of various literary theories and approaches. The implications of this study can improve the effectiveness of critics in critiquing a work and improve quality in writing field.

**Keywords:** film, criticism, formalistic theory, plot, themes, characters

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan menjelaskan pengkritikan filem karya K.Balamurugan dengan menggunakan teori formalistik. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu, mengenalpasti subjek perbincangan, mengenalpasti elemen kritikan plot dan mengenalpasti pengkritikan watak dan perwatakan dalam karya K.Balamurugan berdasarkan teori formalistik. Sumber data kajian ini adalah buku pengkritikan filem bertajuk 'Theernthu Pogatha Venkattikal' yang ditulis oleh K.Balamurugan. Teori formalistik digunakan sebagai penganalisis kritikan filem karya K.Balamurugan. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah kepustakaan untuk mengumpul maklumat berkaitan

kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif berlandaskan ciri – ciri teori formalistik iaitu tema, plot dan perwatakan dengan menggunakan buku pengkritikan filem bertajuk ‘Theernthu Pogatha Venkattikal’. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kritikan filem ‘Theernthu Pogatha Venkattikal’ ini diliputi ciri-ciri kritikan iaitu tema, plot dan perwatakan yang terkandung dalam teori formalistik. Karya K.Balamurugan ini meliputi segala aspek berdasarkan teori formalistik dan mampu meneliti serta menilai kelemahan dan kekuatan sesebuah kritikan melalui pengaplikasian pelbagai teori dan pendekatan sastera. Implikasi kajian ini dapat meningkatkan keberkesanan pengkritik dalam mengkritik sesebuah karya dan meningkatkan kualitinya dalam bidang penulisan.

**Kata Kunci:** pengkritikan filem, teori formalistik, tema, plot, perwatakan, bidang penulisan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 9<sup>th</sup> October 2023, revised 27<sup>th</sup> October 2023, accepted 12<sup>th</sup> November 2023

## Pendahuluan

Terdapat tiga disiplin ilmu yang saling berkaitan peranannya, iaitu teori, sejarah dan kritikan dalam pengajian kesusasteraan. Teori ialah bidang ilmu yang menjadi asas untuk menghasilkan kerja-kerja kritikan; sejarah merupakan wadah yang memberi gambaran tentang perkembangan dan kemajuan kesusasteraan sesuatu bangsa; dan kritikan adalah aktiviti untuk mengkaji dan menilai hasil-hasil kesusasteraan. Hasil kritikan dan kajian kesusasteraan yang berkesan dapat meningkatkan kualiti kepengarangan dan apresiasi kesusasteraan (Rene Wellek dan Austin Warren, 1988)<sup>1</sup>. Menurut (Hashim Awang, 1988)<sup>2</sup> latar sejarah kritikan tradisi kritikan sastera sebenarnya bermula di Barat, iaitu sejak zaman keagongan tamadun Greek dan Yunani. Semenjak itu, dunia kritikan sastera di Barat telah berkembang dengan pesat, hingga berjaya menghasilkan pelbagai teori, dan aliran yang menjadi dasar kritikan sastera hingga mempengaruhi corak dan kegiatan kritikan di banyak negara termasuk Malaysia. Bagaimanapun, sejarah perkembangan tradisi kritikan moden di Malaysia masih baru dan agak-agak perlahan kerana tidak mempunyai akar tradisi kukuh seperti perkembangan kritikan moden di negara lain.

Ilmu terhadap pengambilan filem dan sejarah filem dunia penting jika seseorang ingin menjadi ‘filmmaker’ atau mahu terlibat dalam bidang perfileman. Ramai masih beranggapan bidang filem sekadar aktiviti melibatkan hiburan sahaja. Walaupun golongan tersebut mempunyai pengetahuan dalam bidang filem namun mereka kurang mahir mengkritik hasil-hasil lain dalam bidang yang sama. Menurut pendapat (Uthaya, 1998)<sup>3</sup>, seseorang pembaca harus mempunyai teknik tersendiri bagi menilai sesuatu karya. Setiap pembaca karya semestinya boleh berharap bahawa karya yang dibaca itu akan memenuhi semua keinginan mereka. Berbanding dengan kritikan–kritikan bidang lain, kritikan filem kurang mendapat perhatian daripada orang ramai. Begitu kurangnya penganalisan dan kajian-kajian ilmiah tentang kritikan telah dibuat pada masa lalu (Sarena Abdullah, 2010)<sup>4</sup>.

Menurut (Michael Rabiger, 2009)<sup>5</sup> sebuah filem mempunyai sifat menarik dan menghibur, serta membuat para penonton berfikir. Untuk meningkatkan mutu penulisan, penelitian dalam cara-cara kritikan yang betul dan cekap diperlukan pada setiap masa. Kajian terhadap karya-karya kritikan amat diperlukan dalam bidang kritikan ini supaya hasil sesuatu karya ini mampu memberikan kelainan kepada alam bidang kritikan dalam penulisan. Oleh itu, tujuan kajian ini ialah mengkaji sama ada karya K.Balamurugan memenuhi ciri-ciri kritikan dari aspek teori formalistik.

### **Teori Formalistik**


Formalistik berasal dari kata *forma* (latin), yang bererti bentuk atau wujud. Teori formalistik ini bertujuan untuk mengetahui keterpaduan unsur yang terdapat dalam karya sastera tersebut sehingga dapat menyalin keutuhan bentuk dan isi dengan cara meneliti unsur-unsur kesusasteraan, puitika, oposisi tema dan sebagainya. Kelahiran formalistik Rusia dihantar oleh esei dari Victor Sklovskij yang diterbitkan oleh Piter di St.Petersburg pada tahun 1914. Formalistik adalah reaksi terhadap pendekatan sastera yang bersifat positivistic. Mana Sikana, (1998)<sup>6</sup> pula memberikan pendapat bahawa kritikan dilambangkan sebagai satu disiplin ilmu sistematik yang diamalkan bagi membicarakan soal penghayatan, penganalisan dan penilaian sesebuah karya kreatif. Pelbagai keperluan asas perlu dimiliki oleh pengkritik sebelum melibatkan diri dalam pengkritikan karya. (Abdul Halim Ali, 2001)<sup>7</sup>.

### **Objektif Kajian**

Membincangkan subjek perbincangan karya-karya kritikan K. Balamurugan berdasarkan teori formalistik.

### **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah analisis data yang berbentuk kualitatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah yang disesuaikan dari bidang bahasa dan komunikasi. Rasional pengkaji menggunakan kaedah ini adalah kerana dapat meningkatkan kebolehpercayaan yang tinggi dan mengukuhkan lagi dapatan kajian (Creswell & Plano, 2007)<sup>8</sup>. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan kaedah perpustakaan dalam kajian ini. Teori yang menjadi asas kajian iaitu teori formalistik juga berbincang dalam bab ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini adalah berasaskan teori formalistik. Buku pengkritikan filem karya K.Balamurugan akan dianalisis menggunakan teori formalistik dalam kajian ini. Antara buku yang dikaji adalah *Theeranthu Pogatha Venkattikal*(2012)<sup>9</sup>. Kaedah pengumpulan data adalah berasaskan kaedah kepustakaan. Pengumpulan data ini adalah bersifat jangka masa panjang.



Rajah 1: Kerangka kajian

## Dapatan Kajian

Kajian ini telah membincangkan tentang filem-filem daripada buku pengkritikan Theeranthu Pogatha Venkattikal. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kritikan terhadap pengkritikan filem karya K. Balamurugan menggunakan teori formalistik.

## **Filem 1**

Filem pertama yang dikritik dalam buku Theerthu Pogatha Venkattikal adalah filem Dorm yang diarahkan pada tahun 2006. Pengarah filem ini adalah Songyos Sugmakana. Ini merupakan filem Thailand.

### **Subjek perbincangan**

Subjek perbincangan utama bagi filem Dorm adalah tentang kisah kehidupan seorang murid yang tinggal di asrama sekolah. K. Balamurugan memulakan subjek perbincangan filem ini dengan membandingkan zaman persekolahan sendiri. Pada permulaan kritikan, beliau menceritakan tentang pengalaman semasa zaman persekolahan beliau. K. Balamurugan menyatakan bahawa keindahan zaman kanak-kanak di rumah ataupun di sekolah masing-masing itu tidak ternilai dalam seluruh kehidupan mereka. Dalam filem Dorm, kanak-kanak tersebut berada dalam keadaan yang tertekan semasa meninggalkan rumahnya kerana terpaksa tinggal di asrama yang jauh daripada keluarga sendiri. Beliau juga meluahkan perasaan kanak-kanak bahawa saat itu merupakan saat yang kehilangan kebebasan dia sendiri dalam kehidupan. K. Balamurugan mengkritik subjek perbincangan ini dengan mengaitkan perasaan dalaman seseorang kanak-kanak yang meninggalkan rumah dia pada usia kecil lagi.

K. Balamurugan mengkritik tema filem Dorm ini dengan urutan yang baik. Walaupun beliau memulakan kritikan tersebut dengan pengalaman sendiri semasa dia mengikuti pratikum mengajar lalu dikaitkan dengan zaman persekolahan filem tersebut. Ini akan menyedarkan pembaca bahawa setiap orang akan melalui pelbagai jenis cabaran dalam kehidupan mereka. Selain daripada cabaran seorang murid yang tinggal di asrama, malahan cabaran seorang guru juga dijadikan sebagai subjek perbincangan sampingan dalam filem ini. Dalam filem ini, guru juga diberikan peranan yang penting.

K. Balamurugan juga telah mengkritik filem ini bahawa ia meliputi subjek perbincangan seperti kesepian dapat mengubah pemikiran seseorang. Ini kerana apabila watak murid itu berada dalam suasana kesepian dia akan memikir tentang kehidupan dia di rumah dan di sekolah. Kadangkala pemikiran tentang rumah akan menyebabkan dia merindu dengan keadaan rumah dan berasa bersendirian dan tertekan. Daripada situasi ini, kita difahamkan bahawa kanak-kanak sepatutnya tidak boleh dibiarkan secara berseorangan mahupun di rumah ataupun untuk mendapatkan ilmu di tempat belajar. Ia boleh menyebabkan mereka berasa tertekan dan tidak mempunyai tempat meluahkan perasaan mahupun gembira atau sedih. Mereka memerlukan teman untuk berkongsi perasaan mereka pada setiap masa.

### **Plot**

Binaan plot terdiri daripada bahagian pengenalan, pertengahan dan pengakhiran. K. Balamurugan mengkritik filem Dorm ini dengan gaya tersendiri. Pada permulaan, beliau memulakan dengan pengalaman beliau yang berkaitan dengan tema filem ini. Dalam pengenalan K. Balamurugan memperkenalkan watak-watak, latar dan konflik dalam cerita tersebut.

Semasa K. Balamurugan mula mengkritik cerita Dorm ini, beliau menerangkan latar tempat rumah sendiri. Dia mengaitkan latar rumah sendiri dengan watak cerita Dorm ini. Ini kerana

watak utama akan meninggalkan rumah dan keluarga sendiri untuk pergi ke asrama bagi melanjutkan pelajaran. Watak utama, Sathari melihat rumahnya dengan penuh kerinduan dan berbisik dalam hati bahawa ‘ini adalah hari pertama saya meninggalkan rumah dan permulaan saya kehilangan segala kebebasan saya’. Seterusnya pergerakan cerita dibawakan ke sekolah asrama lelaki Sathari. Walaupun filem ini merupakan cerita seram tetapi pengkritik ingin menekankan tentang perubahan fikiran dan kefahaman yang ditimbul daripada kesunyian watak utama. Kesunyian dapat mempengaruhi pemikiran seseorang dari masa ke semasa.

### **Perkembangan Pengkritikan Watak**

Filem ini juga menjunjung watak utama bernama Sathari. Pada permulaan, K.Balamurugan mengkritik watak anak murid itu mengaitkan dengan zaman persekolahan. Penyentuhan zaman sekolah boleh menarik perhatian kanak-kanak yang membaca buku ini. Ini kerana zaman persekolahan adalah zaman yang paling berharga kepada setiap kanak-kanak. Bukan sahaja sebagai permulaan dalam kehidupan, mereka akan mempelajari pelbagai aspek kenangan manis dan pahit dalam zaman yang indah tersebut. Setiap orang perlu bertekad untuk menghadapi segala cabaran.

### **Filem 2**

Filem seterusnya adalah *Laskar Pelangi* yang berdasarkan cerita benar di Indonesia. Filem ini dikeluarkan pada tahun 2008.

### **Subjek perbincangan**

Isu yang menjadi perbincangan dalam filem ini adalah setiap kanak-kanak berhak untuk mendapat pendidikan asas. Pendidikan merupakan hak asas kepada setiap orang sejak kecil hingga akhir hayat. Pendidikan bukan sahaja memberikan ilmu tetapi memberikan pengalaman bagi meneruskan kehidupan masing-masing. Terdapat pelbagai jenis cabaran dalam bidang pendidikan. Dalam filem Indonesia ini, murid dan tenaga pengajar menghadapi beberapa cabaran dalam bidang pendidikan. Segala cabaran yang dihadapi dapat dilalui oleh setiap watak dalam filem ini dengan baik. Dalam filem ini, kementerian telah menetapkan bahawa sebuah sekolah seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya 10 orang murid supaya sekolah itu beroperasi seperti biasa.

Seterusnya, kesungguhan seorang guru yang dedikasi terhadap masa depan anak murid dapat ditunjukkan sebagai salah satu subjek perbincangan yang penting dalam filem ini. Pada masa ini, teknologi dan sains berkembang dengan pesat tetapi pada zaman dulu para pendidik menghadapi pelbagai cabaran. Selain daripada teknologi, guru hendaklah bertungkus lumus dalam menambahkan bilangan anak murid dalam sekolah. Hal ini berlaku kerana ibu bapa yang kurang berpendidikan kurang faham tentang kepentingan pendidikan kepada anak pada masa hadapan.

Guru bernama Muslimah ingin meneruskan pelaksanaan sekolah tersebut untuk mengajar anak-anak miskin dari kampung tersebut. K.Balamurugan mengkritik situasi ini bahawa semangat seorang guru dapat melahirkan generasi yang berjaya dalam kehidupan mereka pada masa akan datang.

## Plot

Pada permulaan, K.Balamurugan menerangkan suasana Kampung Pelitung. Suasana kampung yang berhijauan tetapi kemiskinan menjadi masalah utama di sana. Cerita Laskar pelangi ini merupakan kisah benar. Sebuah sekolah bernama Muamatiyah telah menghadapi masalah seperti kekurangan anak murid, ketiadaan guru dan bencana alam. Ini menyebabkan sekolah itu terpaksa ditutup untuk tempoh yang panjang. Pengkritik juga menekankan bahawa penduduk di sana mengalami kemiskinan sejak pemerintahan masa lalu dan keagongkan peniaga di tempat tersebut menyusahkan para penguni kampung. Pengkritik mula mengkritik plot filem ini dengan hari pendaftaran sekolah. Seluruh masyarakat dikejutkan dengan berita bahawa sekolah itu akan ditutup sekiranya tidak memenuhi jumlah minimum iaitu 10 orang pelajar.

Selain itu, dalam situasi seorang pelajar yang kurang upaya berminat tinggi untuk belajar menjadi motivasi kepada pembaca yang sering berputus asa dalam kehidupan. K.Balamurugan mengkritik tema ini secara mendalam agar menjadi pengajaran dan motivasi kepada semua pembaca. Manusia tidak harus mudah berputus hati sekiranya mengalami kegagalan dalam satu perkara. Pengkritik berpendapat bahawa filem seperti ini hendaklah dijadikan sebagai ]

## Perkembangan Pengkritikan Watak

Muslimah merupakan guru di sekolah miskin ini. Wataknya dipandang sanjung oleh masyarakat kampung tersebut dan juga pengkritik filem ini. Watak guru tersebut menjadi sebuah teladan yang baik kepada semua pihak pendidik pada masa sekarang. Watak ini bersungguh-sungguh memberikan peranan dalam isu sekolah ini dan bekerja keras untuk mencari pelajar secukupnya supaya memberikan pendidikan kepada anak didiknya.

Pada permulaan kritikan filem ini, K.Balamurugan mengkritik watak utama filem tersebut, Muslimah dan menjelaskan keadaan sekolah yang merisaukan semua pihak. Dia menunggang basikal yang besar pada hari pertama ke sekolah. Wataknya digambarkan sebagai seorang guru yang miskin tetapi penuh dengan keberanian dan semangat mengajar. Pengkritik dapat mengkritik watak utama dengan baik dari permulaan. Kebanyakan ibu bapa memberikan layanan yang baik dan menghormati guru tersebut yang bertungkus-lumus untuk membuka sekolah. Seterunya watak utama yang kedua Lithang, murid sekolah juga digambarkan sebagai murid yang bertekad dalam menyambungkan pelajaran. Pengenalan watak tersebut dibuat dengan menunjukkan keadaan fizikal yang tidak memakai kasut, pakaian yang lama dan muka dengan peluh dikritik bahawa pendidikan tidak memerlukan kekayaan tetapi minat dan semangat sahaja diperlukan untuk menuntut ilmu pada bila-bila masa. Terdapat juga watak sampingan seperti pihak organisasi sekolah. Walaupun watak mereka kelihatan tidak mendalam tetapi mereka sanggup berbesar hati untuk memberikan sokongan kepada guru tersebut pada setiap masa.

## Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa tiga aspek dalam teori formalistik iaitu, elemen subjek perbincangan, plot, watak dan perwatakan telah dikenalpasti dalam buku pengkritikan *Theerntu Pogatha Venkattikal* oleh K.Balamurugan. Kajian ini juga membuktikan bahawa ketiga-tiga aspek tersebut dapat membantu dalam menganalisis sesebuah karya kritikan filem. Kajian ini juga

mampu menjadi teladan kepada pengkritik filem yang ingin membuat kajian yang lebih mendalam dan terperinci mengenai pengkritikan filem. Melalui kajian ini, penkaji dapat menyimpulkan bahawa karya penulis tempatan K.Balamurugan *Theernthu Pogatha Venkattikal* merupakan sebuah karya pengkritikan yang mantap.

**Rujukan:**

1. Rene Wellek. (1988). *Teori Kesusasteraan* (Terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Hashim Awang. (1998). *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Uthaya Sangkar. (1998). *Panduan Menulis Cerpen: Bahagian Satu*. Mingguan Wawasan. 1 April 1998
4. Sarena Abdullah. (2010). *Absenteeism of Malaysian Identity in Art in The Early Years of Independence*. Universiti Malaya. JATI-Journal of Southeast Asian Studies.15.133-150.
5. Michael Rabiger. (2009). *Directing the Documentary*. Olumbia College Chicago: Focal Press.
6. Mana Sikana. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
7. Abdul Halim Ali. (2001). *Persatuan Pengkritik Harus Aktif*. Utusan Malaysia. Keluaran September.
8. Creswell & Plano. (2007). *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. SAGE Publications.
9. Balamurugan. K. (2012). *Theernthu Pogatha Venkattikal*. Malaysia. Vallinam Publication.